

**DRAF TEKS UCAPAN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**MAJLIS SANJUNGAN BUDI
SEMPENA MERAIKAN KEJAYAAN
PENYELIDIK – PENYELIDIK UTeM BAGI TAHUN 2010**

*14 Februari 2011 (Isnin), 12.30 tengah hari
Cafe Botanikal, Ayer Keroh, Melaka*

Bismillahirrahmanirrahim

Salutasi :

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan
Salam Sejahtera*

Terima kasih Pengacara Majlis

Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain,
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Pegawai-pegawai Kanan Universiti,

Pegawai-pegawai rakan industri, pihak media seterusnya para penyelidik yang diraikan

(i)Kata Aluan

1. Pertamanya marilah kita bersama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita semua berkumpul di sini untuk Majlis Sanjungan Budi.
2. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang dapat hadir ke majlis yang julung kalinya menjemput pihak industri dan

3 | *Majlis sanjungan budi*

media untuk bersama dengan Universiti meraikan kejayaan ini. Saya turut mengambil kesempatan yang ada untuk mengucapkan “Selamat Tahun Baru Cina” kepada rakan berbangsa Cina yang hadir.

Tuan/Puan yang dihormati sekalian,

(ii)Objektif majlis

3. Hubungan Universiti dan industri perlu sentiasa aktif disemarakkan agar kedua-dua pihak mendapat manfaat daripadanya. Majlis Sanjungan Budi kini dirancang untuk menjadi agenda tahunan setiap awal tahun bagi meraikan penyelidik-penyalidik yang telah menaikkan nama

4 | *Majlis sanjungan budi*

Universiti melalui aktiviti penyelidikan dan inovasi. Langkah ini merupakan salah satu kaedah kepada usaha Universiti untuk terus memperkuuh proses transformasi bagi membawa pencapaian Universiti ke peringkat yang lebih tinggi, sama ada dalam menjayakan aktiviti pengkomersialan, mahupun menjadikan UTeM sebagai hub kecemerlangan para penyelidik dan industri. Kesemua usaha yang dinyatakan memegang matlamat untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi pada masa akan datang.

(iii)Pencapaian anugerah & harapan

4. Secara peribadi saya berpuas hati atas pencapaian keseluruhannya pada tahun 2010 untuk pingat dan

5 | *Majlis sambutan budi*

anugerah yang diterima oleh UTeM. Justeru itu, saya ingin mengambil kesempatan merakamkan rasa penghargaan atas segala khidmat dan sumbangan yang telah diberikan oleh semua pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan segala aktiviti dan menjulang nama UTeM di pentas kebangsaan dan antarabangsa. Sekalung tahniah daripada saya kepada semua yang telah berjaya.

5. Seterusnya ruang untuk menambah baik pencapaian mestilah dibuat secara berterusan agar kita dapat menyaksikan lebih banyak produk penyelidikan berimpak

6 | *Majlis sambutan budi*

tinggi dihasilkan dan aktiviti mengkomersialkan output penyelidikan berlaku dalam mod yang lebih baik.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

(iv)inisiatif penyediaan dana/ geran baru

6. Kerajaan telah menyediakan pelbagai dana bagi membantu para penyelidik untuk menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi dan berdaya komersial. Bagi tahun 2011, Kementerian Pengajian Tinggi memperkenalkan inisiatif baru membentuk geran-geran penyelidikan yang dinamakan *Long-Term Research Grant Scheme* (LRGS), Dana *Exploratory Research Grant Scheme* (ERGS) dan dana *Prototype Research Grant Scheme* (PRGS).

Kesemua itu adalah tambahan kepada dana-dana sedia ada iaitu FRGS dan *Science Fund*.

7. Kewujudan dana-dana tersebut adalah untuk lebih menggiatkan aktiviti penyelidikan agar dapat menghasilkan lebih ramai pelajar PhD, menambah bilangan harta intelek (IP) milik negara serta lain-lain output penyelidikan. Pengkomersialan harta intelek menjadi sangat penting kerana ia merupakan sumber kekayaan negara selain daripada hasil komoditi. Universiti mengharapkan kerjasama padu daripada industri untuk memberikan impak dan nilai komersil dalam semua bidang penyelidikan yang dilaksanakan. Penglibatan secara langsung pihak industri akan mempercepatkan lagi

proses transformasi negara dalam membudayakan penyelidikan dan inovasi.

(v)aspek pengkomersialan

8. Kita memasuki tahun 2011 dengan landskap dan persekitaran nasional mahupun antarabangsa yang telah berubah yang membawa bersamanya banyak cabaran-cabaran yang lebih besar dan kompleks. Usaha mempergiatkan aktiviti penyelidikan dan inovasi diteruskan dengan langkah memikirkan semula strategi R&D yang diambil. Strategi yang dirancang ini harus lebih agresif untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan melalui kerjasama rapat UTeM dan industri.

9 | *Maylis sanjungan budi*

9. Potensi pengkomersialan hasil penyelidikan adalah besar memandangkan negara kita hanya mengkomersilkan 3.5 peratus hasil penyelidikan berbanding purata 10 peratus di peringkat antarabangsa. Peratusan ini amat kecil berbanding dengan negara maju seperti Jepun dan Amerika. Indeks keupayaan Inovasi yang dikeluarkan oleh UNCTAD 2005, telah menunjukkan Malaysia berada pada kedudukan ke-60. Kedudukan ini perlu diperbaiki melalui beberapa langkah strategik dengan kerjasama dan komitmen pihak industri dilaksanakan dengan lebih baik.

10. Akhir kata saya terus berharap agar kita bersama bertekad dan menanam semangat untuk memberikan yang terbaik bagi meningkatkan pencapaian dalam aktiviti

10 | *Maylis sanjungan budi*

penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan pada tahun 2011 ini dan tahun-tahun mendatang. Bersama kita hayati dan laksanakan slogan UTeM tahun 2011 iaitu “Transformasi berfokuskan strategi bagi mencipta keunggulan Universiti Teknikal”.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum waramatullahi wabarakatuh.